



UNTUK ALBUM ... Para peserta program terdiri siswa dan siswi UMS bergambar kenangan sebelum berangkat balik.

# Outreach UMS beri-kesedaran pendidikan komuniti

Oleh JOHAN AZIZ  
johanaziz54@gmail.com

PROGRAM Outreach bertemakan 'Scaling Up Education in Community' telah memberi impak yang positif kepada pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) selain menyedarkan betapa pentingnya pendidikan kepada komuniti di seluruh negara.

Ini membuktikan bahawa pelajar-pelajar UMS mampu membuat perubahan dan memberikan yang terbaik kepada masyarakat sekeliling demi pembangunan negara selaras dengan gagasan 1Malaysia.

Penyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial UMS yang juga Penyelaras program, Dr Khalid Johari berkata program yang diadakan selama empat hari di SK Kaiduan dan SK Mandalipau dalam daerah Papar bulan lalu telah disertai seramai 56 siswa dan siswi UMS.

"Program ini turut dibantu oleh Pengarah Program, Onnia Anghol dan disertai oleh pelajar-pelajar Tahun Empat, Lima dan enam di kedua-dua sekolah ini," katanya.

Beliau berkata, program ini bertujuan meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran komuniti setempat menerusi pemeraksanaan pembangunan teknik pembelajaran dan kemahiran dalam bidang sosio-ekonomi. Malah, program ini dapat

UB 9/5/11 B12



TAHNAH ... Ghulam menyampaikan hadiah berupa beg sekolah kepada seorang pelajar sambil disaksikan Dr Khalid (kiri).

meningkatkan pengetahuan guru-guru dan masyarakat dalam membina persekitaran pembelajaran yang sihat, menarik dan

lestari serta meningkatkan kemahiran pelajar dalam pembelajaran akademik.

"Selain itu, program ini juga memberi pendedahan

kepada pergaulan sosial yang sihat dalam kalangan peserta SK Kaiduan dan SK Mandalipau. Ini telah terbukti dalam setiap

aktiviti di mana setiap kumpulan berusaha untuk mendapatkan pencapaian yang terbaik," katanya.

Khalid memberitahu, walaupun pada mulanya peserta program ini agak malu untuk memulakan perbualan, namun masalah komunikasi antara mereka dapat diatasi dengan bantuan setiap fasilitator kumpulan.

Menurutnya, sepanjang berlangsungnya program ini, pelbagai aktiviti telah diadakan seperti senam robik, 'Social Networking', 'Ice Breaking', Bengkel Teknik Menjawab UPSR, Sukan Rakyat serta Malam Kebudayaan.

Menariknya, Malam Kebudayaan itu diserikan lagi dengan kehadiran Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Kawang, Datuk Ghulam Haidar Khan Bahadar.

"Pelbagai persembahan dari para pelajar diadakan pada malam itu. Malah Datuk Ghulam sendiri sempat menyumbangkan beberapa buah lagu. Malam berkenaan adalah malam yang amat bermakna kepada peserta-peserta program ini," katanya.

Ghulam sendiri telah menyempurnakan majlis perasmian dan penutupan program itu dengan upacara pemotongan riben di One Stop Learning Centre SK Kaiduan.

Majlis itu dimeriahkan sekali lagi dengan persembahan peserta program dari SK Kaiduan dan SK Mandalipau. Majlis penutupan juga diselangi dengan upacara penyampaian hadiah dan sijil kepada semua peserta program.

Khalid berpuas hati dengan pencapaian dan sambutan yang diberikan oleh sekolah-sekolah di luar bandar termasuk

masyarakat dan ibubapa serta pemimpin terhadap Program Outreach itu yang begitu menggalakkan.

Katanya, pada setiap program yang diadakan di seluruh negeri ini, sambutan masyarakat setempat termasuk guru-guru dan ibubapa serta para pelajar begitu baik sekali.

Pada masa sama, katanya, para peserta program juga memberi fokus kepada tugas yang diberi sepanjang program berjalan terutama menanamkan sikap prihatin masyarakat luar bandar tentang pentingnya pelajaran kepada anak-anak mereka.

Selepas di Kaiduan, Program Outreach seterusnya akan diadakan di Tabin, Lahad Datu pada 14-17 Mei ini disusuli di Tagibang, Kota Marudu pada 27-30 Mei dan Pinangah pada 7-11 Jun akan datang.



MERIAH ... Sebahagian para pelajar yang memeriahkan lagi majlis penutupan program berkenaan.



1MALAYSIA ... Ghulam (tengah) bergambar bersama-sama dengan para pelajar sekolah sambil menunjukkan isyarat 1Malaysia.